



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

MITI BERSIMPATI DENGAN INSIDEN TREN BERTEMBUNG DI LRT LALUAN KELANA JAYA

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) amat bersimpati kepada kesemua mangsa yang terlibat di dalam insiden pertembungan tren di LRT laluan Kelana Jaya, semalam. MITI mendoakan agar kesemua 213 mangsa yang cedera dan sedang dirawat di hospital kini, akan segera beransur pulih. Kejadian yang tidak dijangka ini merupakan peristiwa yang pertama kalinya berlaku semenjak perkhidmatan tren ini mula diperkenalkan di Malaysia, 23 tahun lalu.

MITI juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kesemua barisan hadapan perubatan (*medical frontliners*) yang sedang bertungkus-lumus merawat mangsa-mangsa kejadian tersebut. MITI mempunyai keyakinan yang amat tinggi di atas kepakaran pengamal perubatan di hospital-hospital tersebut dan percaya bahawa kesemua mangsa sedang menerima rawatan yang terbaik.

MITI turut menghargai tindakan pantas Kementerian Pengangkutan dan Prasarana Malaysia Berhad dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan LRT bagi membolehkan rakyat terus menggunakan pengangkutan awam ini untuk ke tempat kerja. MITI sedar bahawa ramai di kalangan warga kota yang bergantung kepada sektor pengangkutan awam, khususnya LRT, bagi pergerakan harian mereka dan adalah amat penting bagi Kerajaan untuk terus memastikan bahawa mobiliti mereka tidak terkesan akibat kejadian ini.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

MITI difahamkan bahawa Kementerian Pengangkutan (MOT) telahpun memulakan siasatan berkaitan kejadian ini. MITI yakin bahawa dengan keupayaan pihak MOT dan pihak berkuasa lain yang berkaitan, siasatan yang menyeluruh akan dapat disempurnakan dalam masa yang telah ditetapkan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

25 MEI 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Faks +603 6206 4293

E-mel alluks@miti.gov.my